

# Apabila wakil rakyat menulis

JARANG ada wakil rakyat yang mahu menulis buku. Kalaupun ada, kebanyakannya menulis setelah bersara. Itupun biasanya orang lain yang berkemahiran dalam bidang penulisan tololong uruskan.

Alasan yang selalu digunakan ialah tiada waktu dan kurang mahir menulis walaupun mempunyai bahan cerita yang menarik dan unik. Hal yang demikian kerana menulis buku menuntut disiplin tinggi selain faktor keuntungan yang tidak memadai.

Dengan kata lain, tidak berbaloi untuk menulis buku apatah lagi buku yang idealis dan akademik sifatnya. Rakyat Malaysia kurang ghairah menelaah bahan-bahan berat seperti itu. Risikonya besar tak pulang modal dan hanya penat yang dapat.

Realiti ini yang cuba ditempuh oleh wakil rakyat muda, Budiman Mohd. Zohdi. ADUN Sungai Panjang, Selangor ini berhasrat menulis minimum sebuah buku dalam setahun. Bagi lulusan sarjana sains dari UPM ini, ada kepuasan tersendiri apabila menulis buku.

Beliau percaya buku masih ada magnet untuk memikat khalayak. Budiman malah tekad menggunakan buku sebagai antara medium berinteraksi dengan rakyat khususnya orang muda. Beliau ada caranya.

Buku terbaru beliau dilancarkan Khamis lalu berjudul *Menggilap Pemidato Hebat*. Buku petua dan panduan berpidato setebal 99 halaman ini dipersembahkan dalam bentuk yang santai, bersahaja dan ceria.

Budiman memilih topik-topik yang ada kaitan dengan *soft skills* kerana itulah kemahiran dan kelebihan beliau. Tiga buah buku sebelum beliau menjadi wakil rakyat juga berkaitan *soft skills* iaitu *Seni Pengucapan Awam, Taman Rohani dan Mesyuarat Itu Mudah*.

Istimewanya, buku terbarunya mendapat inspirasi daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak. Kata-kata semangat itu diabadikan dalam bentuk tulisan tangan Najib ‘Saya mengucapkan tahniah atas kelahiran buku ini. Saya yakin buku ini boleh memberi impak luar biasa.’

Tidak tahulah apa yang ada dalam fikiran Perdana Menteri semasa memenuhi permintaan Budiman ini. Sedang politikus lain menyodorkan hal-hal berkaitan material, wakil rakyat dari Sungai Besar ini sekadar mahukan pesanan semangat untuk bukunya.

Bagi Budiman, politik mesti ada kelebihan dan kelebihan itu harus dikongsi. Pendebat Terbaik Universiti ASEAN (1996) dan Pendebat Terbaik Universiti-universiti Malaysia (1997) ini mahu berkongsi ilmu yang beliau ada.

Bertambah relevan kerana buku terbarunya ini lahir semasa beliau berada di dalam sistem. Pengalamannya berucap dalam Perhimpunan Agung UMNO (2011 dan 2012) selain sebagai Naib Presiden MAYC Kebangsaan dan kini sebagai wakil rakyat menambah kewibawaan buku ini.

Memang buku-buku *soft skills* yang ditulis oleh ‘orangnya sendiri’ tidak banyak di pasaran. Kita mempunyai banyak penceramah dan pemidato politik yang super hebat di pentas, tetapi kemahiran itu tidak dibukukan untuk rujukan dan panduan orang lain khususnya kader-kader parti.

“Idea awal tulis buku ini kerana nak kongsi ilmu, Saya tahu teorinya dan berpidato adalah kerja saya,” katanya yang begitu bersemangat menceritakan bukunya itu semasa ditemui pada hari pertama *Menggilap Pemidato Hebat* keluar dari mesin pencetak.

Tetapi kali ini, Budiman tidak menulis buku dan kemudian membiarkan nasib menentukan arah tuju bukunya. Dengan bantuan rakan-rakan, beliau mengatur strategi untuk memasarkan buku ini. Buku ini juga bakal dipromosikan semasa Perhimpunan Agung UMNO minggu depan.

Serentak dengan buku *Menggilap Pemidato Hebat* ini lahirlah Jaringan Pemidato yang diasaskan oleh Budiman untuk mengumpulkan bukan sahaja para pemidato negara bahkan di seluruh dunia. Belau membina jaringan itu melalui kekuatan media sosial.

Sebagai seorang politikus, Budiman memberi nilai tambah dalam buku ini. Ada topik khusus untuk orang politik iaitu cara menganjur ceramah politik.

Sebenarnya secara tidak langsung melalui usaha seperti itu bukan sekadar buku boleh dijual dan ilmu dapat dikongsi tetapi dirinya dipotretkan sebagai politikus baru yang ada kelebihan tersendiri. UMNO memerlukan gabungan orang-orang seperti ini dan lebih penting, UMNO membuka pintunya.

Generasi baharu UMNO juga harus dibentuk dengan ilmu-ilmu *soft skills* yang tentu sekali ilmu itu boleh diperturunkan secara sistematis melalui buku.

Tidaklah mereka didedahkan semata-mata dengan bahan-bahan bacaan yang lebih banyak menjurus hal-hal picisan, gosip, konflik, cerita-cerita menyesatkan dan serangan peribadi.

Banyak lagi hal yang perlu dikuasai khususnya oleh ahli UMNO dalam mendepani cabaran getir mempertahankan *survival* parti seperti kemahiran berhujah, mengurus persepsi dan mengurus kempen berkesan.

Saingan daripada parti lawan semakin sengit. Tarbiah mereka dalam melatih kader-kader berjiwa kental dan bersemangat cekal kadang kala dilihat lebih ke depan.

Jika parti lawan mampu menampilkkan politikus berilmu, apa kurangnya UMNO. Berderet profesional, cendekiawan dan ilmuwan dalam parti ini tetapi selalunya mereka lebih selesa menyepikan diri atau tidak diberikan ruang sewajarnya.

Sekurang-kurangnya dengan bukunya itu, Budiman telah menunjukkan jalannya bahawa orang yang ada kelebihan, yang berjiwa besar untuk membangun politik sihat tidak terpinggir dalam arus kekuasaan UMNO.

